

# STANDARD PROGRAM: PSIKOLOGI



AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel +603-7968 7002  
Fax +603-7956 9496  
Email [akreditasi@mqa.gov.my](mailto:akreditasi@mqa.gov.my)  
Laman web [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

© Agensi Kelayakan Malaysia 2013

ISBN:

Terbitan ini boleh dimuat turun dari laman web: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

Salinan cetakan boleh didapati daripada:

Bahagian Standard

Agensi Kelayakan Malaysia

## KANDUNGAN

Prakata	i
Singkatan	lii
Glosari	iv
1. Pengenalan	1
2. Matlamat dan Hasil Pembelajaran Program	8
3. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum	14
4. Penilaian Pembelajaran Pelajar	23
5. Pemilihan Pelajar	30
6. Staf Akademik	34
7. Sumber Pendidikan	37
8. Pemantauan dan Semakan Program	39
9. Kepimpinan, Governan Dan Pentadbiran	40
10. Penambahbaikan Kualiti Berterusan	42
11. Rujukan	43
Lampiran	
Lampiran 1 – Senarai Ahli Panel	45
Lampiran 2 – Taksonomi Bloom	46

## PRAKATA

Dalam usaha untuk memastikan kualiti program akademik di institusi pengajian tinggi di Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menerbitkan pelbagai dokumen, antaranya ialah Kerangka Kelayakan Malaysia, Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (COPIA), Garis Panduan Amalan Baik dan Standard Program. Bagi membangunkan dan melaksanakan program pendidikan tinggi yang berkualiti di Malaysia, dokumen ini perlu dirujuk secara bersama.

Ciri-ciri yang ditentukan oleh Standard Program memberikan garis panduan dan gambaran mengenai tahap minimum yang boleh diterima, yang merangkumi semua sembilan aspek bidang kualiti iaitu: matlamat dan hasil pembelajaran program, reka bentuk dan penyampaian kurikulum penilaian pelajar, pemilihan pelajar, staf akademik, sumber pendidikan, pemantauan dan semakan program, kepemimpinan, governan dan pentadbiran, dan penambahbaikan kualiti berterusan. Standard Program bagi Psikologi merangkumi semua peringkat pengajian, dari diploma sehingga kedoktoran.

Standard ini telah dibentuk oleh panel yang terdiri dari pakar yang berpengalaman dalam konsultasi dari pelbagai Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) awam dan swasta, kementerian dan badan berkanun berkaitan, badan professional, bidang berkaitan psikologi dan juga pelajar.

Standard ini tidak bermaksud untuk memberikan ciri-ciri khusus program, terutamanya kepada perkara yang berkaitan dalam pembentukan kurikulum dan peruntukan sumber pendidikan. Standard Program ini menggalakkan kepelbagaian dan membolehkan penyedia program untuk menjadi inovatif dan dapat mengkhususkan program mereka bagi memenuhi keunikan mereka sendiri di samping memastikan mereka menghasilkan graduan yang dapat memenuhi kehendak profesion serta tanggungjawab kepada masyarakat. Terdapat beberapa contoh yang diberikan dalam Standard ini seperti pernyataan matlamat program dan hasil pembelajaran yang bertujuan untuk memberi penjelasan kepada dokumen; ia tidak bertujuan untuk diambil secara terus kata demi kata.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada semua ahli panel, kesemua pihak berkepentingan yang telah memberikan maklum balas, serta semua pegawai MQA yang telah menyumbang ke arah pembangunan Standard Program: Psikologi.

Terima kasih.

**Dato' Dr. Syed Ahmad Hussein**

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

2013

## GLOSARI

- 1) Disertasi  
Dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan ijazah sarjana secara penyelidikan dan mod campuran
- 2) Modul  
Modul adalah komponen sesuatu program. Istilah modul digunakan secara bertukar ganti dengan istilah mata pelajaran, unit atau kursus.
- 3) Penilaian Formatif  
Proses penilaian kemajuan pelajar sepanjang kursus, di mana maklum balas daripada aktiviti pembelajaran digunakan untuk meningkatkan pencapaian pelajar.
- 4) Penilaian Sumatif  
Penilaian pembelajaran yang meringkaskan kemajuan pelajar pada suatu masa tertentu dan digunakan dalam pemberian gred kursus kepada pelajar.
- 5) Tesis  
Dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan ijazah kedoktoran secara penyelidikan dan mod campuran
- 6) Viva Voce  
Pertahanan secara lisan bagi disertasi/tesis program.

## **SINGKATAN**

APEL	Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
COPIA	Kod Amalan Audit Institusi
COPPA	Kod Amalan Akreditasi Program
CPD	Pembangunan Profesional Berterusan
GGP	Garis Panduan Amalan Baik
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
NGMP	Nilai Gred Mata Pelajaran
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

## PENGENALAN

Psikologi adalah kajian saintifik tingkah laku dan proses mental: bagaimana kita berfikir, merasa, bertindak dan berinteraksi secara interpersonal dan dalam kumpulan. Psikologi berkait dengan semua aspek tingkah laku dan juga pemikiran, perasaan dan motivasi yang mendasari tingkah laku. Ahli psikologi berminat untuk mengetahui mengapa individu bertingkah laku tertentu dan bagaimanakah pemahaman ini boleh membantu menyelesaikan masalah utama dalam masyarakat.

Apabila psikologi bermula sebagai satu disiplin, ia berada di persimpangan bidang-bidang lain, seperti perubatan, linguistik, sosiologi, biologi, kecerdasan buatan, antropologi, sosiologi, dan juga sejarah.

Walau bagaimanapun, ia telah diterima secara meluas bahawa psikologi adalah satu disiplin sains dan ahli psikologi mengkaji tingkah laku manusia dengan memerhati, mengukur dan menguji, kemudian membuat kesimpulan berasaskan kaedah saintifik yang kukuh. Oleh itu, sebagai satu pengajian sains, psikologi memerlukan latihan yang meluas dalam pelbagai kaedah penyelidikan termasuk eksperimen makmal, tinjauan lapangan, pemerhatian semula jadi dan kajian kes. Hal ini boleh dicapai dengan membenarkan pelajar atau pelatih untuk melaksanakan projek penyelidikan di bawah penyeliaan ahli akademik yang terlatih kemahiran penyelidikannya.

Beberapa bidang popular dan utama psikologi diterangkan secara ringkas di bawah.

- i. **Psikologi biologi** merupakan cabang psikologi berkaitan dengan bagaimana proses biologi dan peristiwa fisiologi (mempengaruhi, atau terlibat dalam, tingkah laku manusia dan proses mental. Lain-lain istilah yang setara adalah: biopsikologi, psikobiologi, psikologi fisiologi, psikofisiologi, dan tingkah laku neurosains. Lain-lain sub bidang berkaitan termasuk neuropsikologi dan psikologi evolusi.
- ii. **Psikologi klinikal** merupakan cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam penilaian dan rawatan kecelaruan mental. Istilah yang berkaitan adalah psikoterapi.



- iii. **Psikologi kognitif** merupakan cabang psikologi yang mengkaji proses mental termasuk perhatian, penggunaan bahasa, ingatan, persepsi, penyelesaian masalah, pemikiran, pembuatan keputusan, pembelajaran dan kecerdasan.
- iv. **Psikologi pengguna** merupakan cabang psikologi yang mengaplikasi teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami bagaimana orang (individu, kumpulan, atau organisasi) membeli dan mengaitkan diri mereka dengan barangan dan perkhidmatan. Ia boleh menjadi sebahagian daripada psikologi industri dan organisasi. Beberapa istilah lain yang berkaitan adalah kelakuan pengguna, psikologi pemasaran, psikologi pengiklanan, dan psikologi ekonomi.
- v. **Psikologi kaunseling** merupakan cabang psikologi yang mengaplikasi teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam proses membantu klien menyelesaikan pelbagai masalah manusia seperti pemilihan pekerjaan, masalah sekolah, penyalahgunaan dadah, dan konflik perkahwinan. Berbeza dengan ahli psikologi klinikal, ahli psikologi kaunseling biasanya bekerja dengan klien yang mengalami gejala kurang teruk. Istilah lain yang berkaitan adalah bimbingan dan kaunseling.
- vi. **Psikologi perkembangan** merupakan cabang psikologi yang mengkaji perubahan dalam manusia (contohnya, fizikal, kognitif, pembangunan sosial, emosi dan moral) di seluruh jangka hayat (daripada konsep sehingga kematian).
- vii. **Psikologi pendidikan** merupakan cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami dan memperbaiki bagaimana manusia belajar dalam persekitaran pendidikan, keberkesanan pelbagai intervensi pendidikan, psikologi pengajaran, dan psikologi sosial sekolah sebagai sebuah organisasi. Istilah lain yang berkaitan adalah psikologi sekolah.

- viii. **Psikologi kejuruteraan** merupakan cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami dan meningkatkan hubungan antara manusia dan mesin dengan peralatan mereka bentuk semula, interaksi, atau persekitaran di mana ia berlaku. Beberapa istilah lain yang berkaitan adalah ergonomik, faktor manusia, psikologi trafik, dan psikologi penerbangan.
- ix. **Psikologi persekitaran** merupakan cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami dan meningkatkan interaksi antara manusia dan persekitaran mereka (contohnya persekitaran semula jadi, persekitaran sosial, persekitaran yang dibina, persekitaran pembelajaran, dan persekitaran maklumat). Istilah lain yang berkaitan adalah psikologi seni bina.
- x. **Psikologi eksperimen** merupakan cabang psikologi yang mengkaji tingkah laku dan proses mental yang menggunakan kaedah eksperimen. Topik dikaji berbeza dan biasanya melibatkan proses psikologi asas seperti sensasi/persepsi, memori, kognisi, pembelajaran, motivasi, emosi, psikologi perkembangan, dan psikologi sosial.
- xi. **Psikologi forensik** merupakan cabang psikologi menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami dan meningkatkan proses undang-undang (iaitu bukti, saksi dan mahkamah), dan memahami cara-cara pengurangan tingkah laku jenayah. Lain-lain istilah yang serupa adalah psikologi perundangan, psikologi jenayah, dan psikologi kriminologi. Beberapa istilah lain yang berkaitan adalah psikologi polis, psikologi penjara, dan kriminologi.
- xii. **Psikologi kesihatan** merupakan cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami dan memperbaiki kesihatan fizikal dan penyakit. Beberapa istilah lain yang berkaitan adalah psikologi kesihatan klinikal, dan psikologi kesihatan pekerjaan.

- xiii. **Psikologi industri** merupakan satu cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami dan meningkatkan pekerja, tempat kerja dan produktiviti organisasi dan kesejahteraan organisasi. Lain-lain istilah yang serupa adalah psikologi pekerjaan, psikologi kerja, kerja dan psikologi organisasi, dan psikologi pengurusan. Beberapa istilah lain yang berkaitan adalah psikologi personnel, psikologi pengguna, psikologi kejuruteraan, psikologi perniagaan, pengurusan sumber manusia, dan tingkah-laku organisasi.
- xiv. **Neuropsikologi** merupakan cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam menilai dan rawatan tingkah laku secara langsung berkaitan dengan fungsi otak. Beberapa istilah lain yang berkaitan adalah neurosains, kognitif neuropsikologi, dan klinikal neuropsikologi.
- xv. **Psikologi personaliti** merupakan cabang psikologi yang mengkaji personaliti dan perbezaan individu.
- xvi. **Psikologi politik** merupakan cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami dan memperbaiki tingkah laku politik dan sistem pemerintahan. Beberapa istilah lain yang berkaitan adalah psikologi keamanan, dan psikologi tentera.
- xvii. **Psikologi sosial** merupakan cabang psikologi yang mengkaji bagaimana pemikiran, perasaan masyarakat, dan tingkah laku dipengaruhi oleh, kehadiran sebenar khayalan, atau tersirat yang lain.
- xviii. **Psikologi sukan** merupakan cabang psikologi yang menggunakan teori psikologi, kaedah dan penyelidikan dalam memahami dan meningkatkan prestasi dan penyertaan dalam sukan dan senaman. Istilah lain yang serupa adalah psikologi latihan.

Seperti yang dibuktikan oleh kemajuan pesat dalam subkepakaran dalam disiplin Psikologi, PPT perlu memperkenalkan dan penambahbaikan program yang berkesan

dan mampan. Dengan berbuat demikian, pembekal perlu memastikan graduan mendapatkan pengetahuan dan kemahiran untuk berfungsi dengan berkesan sebagai ahli akademik, penyelidik atau golongan profesional dan anggota masyarakat yang diperlukan.

Standard ini dibangunkan dengan merujuk kepada manual dan garis panduan yang diamalkan oleh persatuan-persatuan psikologi utama seperti Persatuan Psikologi Amerika (APA), Persatuan Psikologi Australia (APS) dan Persatuan Psikologi British (BPS). Di negara-negara di mana psikologi yang mantap sebagai profesion (iaitu, profesion ditadbir oleh badan-badan profesional digubal oleh undang-undang), hanya mereka yang mempunyai kelayakan pascasiswazah dipanggil ahli psikologi dan dibenarkan untuk mengamalkannya.

Maklumat yang diberikan adalah tidak bertujuan untuk menetapkan suatu pendekatan tertentu untuk memenuhi standard kami, sebaliknya ia bertujuan untuk menunjukkan aspek-aspek yang mungkin menarik untuk PPT atau pengulas apabila meneroka pencapaian standard dengan pihak yang berkepentingan.

## Tujuan

Tujuan Standard Program ini adalah untuk menyediakan garis panduan berhubung dengan pembangunan dan pelaksanaan program dalam bidang yang dikenal pasti, dan adalah amat penting agar dokumen ini hendaklah dibaca bersama dengan lain-lain dokumen jaminan kualiti dan dasar-dasar oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan agensi-agensinya yang berkaitan. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

1. Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF);
2. Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA);
3. Kod Amalan Audit Institusi (COPIA); dan
4. Garis Panduan Amalan Baik yang berkaitan (GGP).

Standard Program ini dibahagikan kepada bahagian-bahagian berikut:

1. Matlamat Program dan Hasil Pembelajaran;
2. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum;
3. Pemilihan Pelajar;
4. Penilaian Pelajar;

5. Staf Akademik;
6. Sumber Pendidikan;
7. Pemantauan dan Semakan Program;
8. Kepimpinan, Governans dan Pentadbiran;
9. Penambahanbaikan Kualiti Berterusan; dan
10. Lampiran.

### **Tahap Pengajian**

Standard Program: Psikologi, secara keseluruhannya, menggambarkan tahap yang berbeza standard yang membawa kepada penganugerahan kelayakan individu, iaitu Diploma (tahap MQF 4), Ijazah Sarjana Muda (MQF Tahap 6), Diploma Pascasiswazah & Ijazah Sarjana (MQF Tahap 7), dan Ijazah Kedoktoran (MQF Tahap 8).

### **Mod Pengajian**

Standard Program ini akan hanya meliputi dan merangkumi kaedah pengajian berikut:

- **Diploma (tahap MQF 4)**  
Secara Kerja Kursus sahaja
- **Ijazah Sarjana Muda (MQF Tahap 6)**  
Secara Kerja Kursus sahaja
- **Diploma Pascasiswazah (MQF Tahap 7)**  
Secara Kerja Kursus dengan Komponen Penyelidikan
- **Ijazah Sarjana (MQF Tahap 7)**  
Secara Penyelidikan, Kursus, dan Mod Campuran (Kerja Kursus & Penyelidikan)
- **Ijazah Doktor Falsafah (MQF Tahap 8)**  
Secara Penyelidikan, Kursus, dan Mod Campuran (Kerja Kursus & Penyelidikan)

## Tatanama Program

Semua program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda hanya perlu darjah generik tanpa pengkhususan (contohnya Diploma Psikologi, Sarjana Muda Psikologi).

Untuk **Ijazah Sarjana Muda** berikut boleh diterima pakai:

**i. *Single Major (sekurang-kurangnya 60 kredit dalam psikologi)***

Contohnya Sarjana Muda Psikologi, Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) Psikologi, atau Sarjana Muda Sains (Kepujian) Psikologi, dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Psikologi.

**ii. *Double Major (sekurang-kurangnya 60 kredit dalam bidang masing-masing)***

Contohnya Sarjana Muda Psikologi dan Perniagaan, Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Psikologi, dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sosiologi dan Psikologi).

**iii. *Minor dalam bidang Psikologi (sekurang-kurangnya 30 kredit dalam bidang psikologi)***

Contohnya Sarjana Muda Perniagaan dengan Psikologi, dan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Psikologi.

Untuk Diploma Pascasiswazah, hanya kelayakan sama ada Diploma Siswazah (Psikologi) atau Diploma Pascasiswazah (Psikologi Gunaan) boleh diterima.

**Pengkhususan dalam Psikologi hanya terpakai untuk ijazah sarjana dan ke atas**

### **Ijazah Sarjana:**

contohnya Sarjana Sastera (Psikologi), Ijazah Sarjana Sains Sosial (Psikologi Kaunseling), Ijazah Sarjana Sains (Kognitif Neuropsikologi), Ijazah Sarjana Psikologi (Psikologi Pendidikan), Sarjana Psikologi Klinikal, Sarjana Psikologi Kognitif, dan lain-lain.

### **Ijazah Kedoktoran:**

contohnya Doktor Falsafah (PhD atau DPhil) dalam [nyatakan pengkhususan], Doktor Psikologi (PsyD, DPsych atau PsychD) [nyatakan pengkhususan], Doktor Pendidikan (EdD) dalam bidang Psikologi, Doktor Psikologi Klinikal (DClinPsy), dan lain-lain.

## **MATLAMAT DAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM**

“Matlamat, objektif dan hasil pembelajaran sesuatu program menggambarkan apa yang perlu dicapai oleh pelajar. Adalah penting, tujuan, matlamat dan hasil pembelajaran ini disebar luas dengan jelas kepada pelajar dan pihak berkepentingan yang lain.” (COPPA, 2010, ms.16).

“Kualiti program akhirnya akan ditentukan oleh keupayaan pelajar melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diharapkan dalam masyarakat. Hal ini memerlukan satu pernyataan jelas tentang hasil pembelajaran yang diharap dicapai oleh pelajar tersebut” (COPPA, 2010, ms.17).

Hasil pembelajaran adalah pernyataan yang lebih terperinci yang menerangkan secara eksplisit tentang pencapaian pelajar boleh dicapai dan diukur setelah berakhirnya sesuatu tempoh pembelajaran. Hasil pembelajaran berikut perlu dibaca bersama dengan lapan domain hasil pembelajaran seperti yang dicatatkan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualificaton Framework*) (2007) dalam proses mereka bentuk hasil pembelajaran program. Pada kebiasaannya, suatu hasil pembelajaran adalah ditulis bermula dengan pernyataan “Di akhir program pengajian, pada graduan akan dapat ...”.

## **DIPLOMA**

Matlamat program diploma adalah untuk memberi pelajar pengetahuan dan kefahaman tentang psikologi pada peringkat asas. Program ini bertujuan untuk menyediakan pelajar agar boleh berfungsi secara efektif sebagai seorang pembantu teknik dalam pelbagai latar pekerjaan seperti makmal psikologi, pusat penjagaan kanak-kanak, rumah penjagaan orang tua, agensi-agensi kebajikan, dan lain-lain.

Pada akhir program diploma, para graduan akan dapat:

- i. menggunakan pengetahuan asas psikologi untuk melakukan pelbagai bentuk tugas sokongan yang berkaitan dengan aspek penyelidikan dan amalan dalam bidang psikologi;
- ii. menunjukkan kemahiran interpersonal, kerja berpasukan, organisasi dan sosial yang sesuai dengan latar pekerjaan yang relevan.

- iii. berkomunikasi secara efektif dengan rakan sekerja pelanggan, ketua dan masyarakat umum;
- iv. membincangkan dan menyelesaikan masalah asas yang berkaitan dengan sesuatu fenomena psikologi; dan
- v. menggunakan teknik dan keupayaan untuk mencari dan menggunakan bahan literatur untuk tujuan peribadi atau membantu pengajar/penyelidik/pengamal psikologi.

### **IJAZAH SARJANA MUDA**

Matlamat program ijazah sarjana muda dalam psikologi adalah untuk menawarkan kepada pelajar asas yang mantap tentang teras prinsip-prinsip psikologi dan untuk mendedahkan pelajar kepada pelbagai tajuk umum dalam bidang psikologi asas dan psikologi gunaan. Program ini boleh membantu pelajar membentuk kemahiran penyelidikan dan berkomunikasi, dan membina latar belakang psikologi yang kukuh sebagai suatu bidang sains. Program ini juga bermatlamat untuk mengembangkan pemikiran kritikal dalam kalangan pelajar untuk menangani isu pendidikan, pekerjaan, penjagaan kesihatan, dan kehidupan seharian.

Di akhir program ijazah sarjana muda, para graduan akan dapat:

- i. menunjukkan pengetahuan dan kefahaman tentang prinsip asas psikologi yang didapati daripada sumber-sumber kesarjanaan;
- ii. mengaplikasi kaedah penyelidikan asas dalam psikologi, termasuk aspek reka bentuk kajian, analisis dan interpretasi data dalam pelbagai latar pekerjaan;
- iii. menggunakan pemikiran kritikal dan kreatif, inkuiri skeptikal, dan apabila sesuai, menggunakan pendekatan saintifik untuk menyelesaikan masalah berkaitan tingkah laku dan proses mental;
- iv. mengaplikasi prinsip psikologi dengan menerangkan dan mencadangkan penyelesaian permasalahan peribadi, organisasi dan sosial, dengan mengambil kira kefahaman sendiri, aspek sosiobudaya dan diversiti antarabangsa;



- v. mengaplikasi prinsip etika dalam semua aspek sains dan amalan psikologi, termasuk mengetahui batasan pengetahuan dan kemahiran psikologi mereka; dan
- vi. berkomunikasi dan menyampaikan maklumat, idea, permasalahan dan penyelesaiannya dengan efektif kepada masyarakat umum.

## **DIPLOMA PASCASISWAZAH**

Diploma pascasiswazah boleh ditawarkan untuk menjadi penghubung antara kelayakan peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Ia bermatlamat untuk memberi pelajar pengetahuan dan kemahiran lanjutan dalam bidang pengkhususan psikologi yang dipilih.

Di akhir program diploma pascasiswazah ini, para graduan akan dapat:

- i. menunjukkan penambahan dan kesinambungan pengetahuan dan kefahaman psikologi yang lebih daripada peringkat ijazah sarjana muda;
- ii. menggunakan pengetahuan dan kefahaman bidang pengkhususan dalam psikologi dalam latar pekerjaan yang relevan;
- iii. mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran untuk mengurus perkara yang kompleks berkaitan bidang pengajian mereka;
- iv. mengaplikasi prinsip psikologi dengan menerangkan dan mencadangkan penyelesaian permasalahan peribadi, organisasi dan sosial, dengan mengambil kira kefahaman sendiri, aspek sosiobudaya dan diversiti antarabangsa;
- v. mengaplikasi prinsip etika dalam semua aspek sains dan amalan psikologi, termasuk mengetahui batasan pengetahuan dan kemahiran psikologi mereka; dan
- vi. berkomunikasi dan menyampaikan maklumat, idea, permasalahan dan penyelesaiannya dengan efektif kepada masyarakat umum dan komuniti profesional.

## IJAZAH SARJANA

Program ijazah sarjana bermatlamat untuk memberi para graduan pengetahuan dan kemahiran lanjutan dalam suatu bidang pengkhususan psikologi.

Pada akhir program ijazah sarjana secara mod kerja kursus atau mod campuran, para graduan akan dapat:

- i. menunjukkan penambahan dan kesinambungan pengetahuan dan kefahaman psikologi yang lebih daripada peringkat ijazah sarjana muda dan mempunyai keupayaan untuk membangun dan menggunakan idea, biasanya dalam konteks penyelidikan;
- ii. menunjukkan keupayaan untuk menghasil, mereka bentuk, mengimplementasi dan menggunakan elemen penting dalam proses penyelidikan bidang pengkhususan psikologi secara saintifik;
- iii. mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengkhususan untuk mengurus perkara yang kompleks dan situasi novel dalam konteks multidisiplin;
- iv. mengaplikasikan prinsip psikologi dengan menerangkan dan mencadangkan penyelesaian permasalahan peribadi, organisasi dan sosial, dengan mengambil kira kefahaman sendiri, aspek sosiobudaya dan diversiti antarabangsa;
- v. menilai dan membuat keputusan walaupun dalam situasi yang mempunyai maklumat yang terhad dengan mengambil kira tanggungjawab sosial dan etika seperti yang digariskan oleh badan-badan profesional psikologi;
- vi. berkomunikasi dan menyampaikan maklumat, idea, permasalahan dan penyelesaiannya dengan efektif kepada masyarakat umum dan komuniti profesional; dan
- vii. menunjukkan kualiti kepimpinan melalui cara berkomunikasi dan bekerja yang efektif dengan rakan sekerja dan pihak berkepentingan.

Pada akhir program ijazah sarjana secara penyelidikan, para graduan akan dapat:

- i. menunjukkan kefahaman yang sistematik tentang sesuatu isu psikologi tertentu dan penguasaan kemahiran dan kaedah penyelidikan berkaitan dengan isu tersebut;

- ii. menunjukkan kemampuan untuk menghasil, mereka bentuk, mengimplementasi dan menggunakan elemen penting dalam proses penyelidikan bidang pengkhususan psikologi secara saintifik;
- iii. menghasilkan satu penyelidikan empirikal yang boleh menyumbang kepada pengetahuan psikologi melalui penulisan disertasi yang mendalam, yang telah dibentang dan dipertahankan mengikut standard kebangsaan;
- iv. membuat analisis, penilaian dan sintesis yang kritikal mengenai idea yang kompleks dalam psikologi;
- v. berkomunikasi dengan rakan, komuniti sarjana dan masyarakat awam tentang psikologi dan bidang pengkhususannya; dan
- vi. mempromosi perkembangan teknologi, sosial, dan budaya dalam konteks akademik.

## **IJAZAH KEDOKTORAN**

Program ijazah kedoktoran bermatlamat untuk menyediakan graduan dengan kemampuan agar dapat menjalankan penyelidikan secara independen pada tahap yang tinggi dalam bidang pengkhususan psikologi dan menjadi pakar yang dapat mempermudah dan menyumbang kepada peningkatan pengetahuan baru.

Pada akhir program ijazah kedoktoran, para graduan akan dapat:

- i. menunjukkan kefahaman yang sistematik dan mendalam tentang sesuatu isu psikologi tertentu dan penguasaan kemahiran dan kaedah penyelidikan berkaitan;
- ii. menunjukkan kemampuan untuk menghasil, mereka bentuk, mengimplementasi dan menggunakan elemen penting dalam proses penyelidikan bidang pengkhususan psikologi dengan tahap kesarjanaan yang tinggi;
- iii. menghasilkan penyelidikan yang asli yang telah meluaskan sempadan pengetahuan psikologi melalui disertasi yang mendalam, yang telah dibentang dan dipertahankan mengikut standard antarabangsa.
- iv. membuat analisis, penilaian dan sintesis yang kritikal mengenai idea baru dan kompleks dalam psikologi;
- v. berkomunikasi dengan rakan, komuniti sarjana dan masyarakat awam tentang psikologi dan bidang pengkhususannya; dan

- vi. mempromosi perkembangan teknologi, sosial, dan budaya dalam konteks akademik dan profesional.
- vii. [hasil pembelajaran tambahan bagi program psikologi gunaan] menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan dengan bidang pengkhususan melalui aplikasi kemahiran perundingan, pengurusan dan penyeliaan.

## REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

Bagi tujuan kod amalan akreditasi program yang ditawarkan oleh PPT, istilah 'reka bentuk dan penyampaian kurikulum' digunakan secara bertukar ganti dengan istilah 'reka bentuk dan penyampaian program'. 'Program' bermaksud susunan modul yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan (COPPA, 2010, ms.18).

## PENGENALAN KEPADA REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

Secara umumnya, program psikologi mesti mengandungi kerja kursus psikologi yang bersifat menyeluruh, khususnya daripada peringkat diploma kepada peringkat sarjana muda. Untuk pengajian psikologi peringkat lanjutan (sarjana dan kedoktoran), biasanya perlu ada kerja lapangan dan latihan praktikal DAN/ATAU tesis/disertasi.

### (A) Kerja Kursus

Untuk kerja kursus di peringkat diploma hingga peringkat sarjana muda, programnya mesti mengandungi 8 bidang ilmu berikut:

Kredit Minimum Untuk Setiap Bidang Ilmu (Teras dan Elektif Disiplin)

Bidang-bidang Ilmu Dalam Psikologi	Diploma	Sarjana Muda
<b>a. Inkuiri saintifik</b> Contoh: Pengenalan Psikologi, Metod Penyelidikan, Statistik, Ujian & Pengukuran	9 – 12	12 – 15
<b>b. Asas-asas Biologi dalam Tingkah Laku</b> Contoh: Psikologi Biologi/Fisiologi, Sensasi, Persepsi & Kesedaran	3 – 6	3 – 9

<b>Bidang-bidang Ilmu Dalam Psikologi</b>	<b>Diploma</b>	<b>Sarjana Muda</b>
<b>c. Perkembangan Manusia</b> Contoh: Perkembangan Sepanjang Hayat, Psikologi Kanak-kanak, Psikologi Remaja, Psikologi Dewasa dan Orang Tua	3 – 6	3 – 9
<b>d. Asas-asas Kognitif-Afektif dalam Tingkah Laku</b> Contoh: Memori, Fikiran & Kecerdasan, Pembelajaran, Bahasa dan Persepsi	3 – 6	3 – 9
<b>e. Perbezaan Individu</b> Contoh: Personaliti, Motivasi & Emosi, Psikologi Abnormal, Kecerdasan dan Ujian & Pengukuran	3 – 6	6 – 9
<b>f. Konteks Sosio-Budaya dalam Tingkah Laku</b> Contoh: Psikologi Sosial, Isu-isu Kurang Upaya, Psikologi Silang-Budaya	3 – 6	3 – 9
<b>g. Nilai-nilai Dalam Psikologi</b> Contoh: Sejarah & Sistem dalam Psikologi, Etika dalam Psikologi, dll.	3 – 6	3 – 9
<b>h. Aplikasi Sains Psikologi</b> Contoh: Pengenalan kepada Psikologi Industri dan Organisasi, Psikologi Kesihatan, Psikologi Klinikal, Psikologi Kaunseling, Psikologi Pendidikan, dll.	3 – 6	6 – 15
<b>KREDIT MINIMUM</b>	<b>45</b>	<b>60</b>

## (B) Kerja Lapangan Berselia

Kerja lapangan berselia sangat penting dalam program psikologi. Ia boleh mengambil bentuk latihan industri atau praktikum/internship. Di peringkat sarjana muda, latihan industri adalah wajib.

Beberapa contoh latihan industri termasuk khidmat masyarakat atau penempatan di badan bukan kerajaan (contohnya bekerja dengan individu kurang upaya, orang tua, banduan, penagih dadah, anak yatim dan lain-lain), latihan dalam jabatan sumber manusia di organisasi korporat, dan projek berasaskan komuniti, dan lain-lain.

Latihan industri mesti mengandungi sekurang-kurangnya 480 jam pembelajaran (termasuk masa persediaan di kampus) dan boleh dilaksanakan melalui dua cara:

- i. Penempatan berterusan sekurang-kurangnya 3 bulan di mana-mana organisasi; ATAU
- ii. Beberapa siri penempatan jangka pendek di sebuah atau beberapa organisasi sepanjang pengajian.

Praktikum/internship merujuk kepada latihan yang lebih berstruktur di peringkat pascasiswazah di dalam bidang pengkhususan seperti psikologi klinikal, psikologi kaunseling, dan psikologi industri/organisasi. Penyelia mesti mempunyai kelayakan bersesuaian dengan bidang pengkhususan.

## STRUKTUR KURIKULUM

### DIPLOMA

<b>KREDIT MINIMUM BERGRADUAT – 90</b>		
<b>KOMPONEN</b>	<b>PERATUSAN (%)</b>	<b>KREDIT</b>
Modul Wajib/Pengajian Am	10 – 14	9 – 12
Teras Umum	24 – 40	21 – 36
Teras Disiplin*	50 – 57	45 – 51
Latihan Industri	0 – 7	0 – 6

\*Teras Disiplin mesti mencakupi kesemua 8 Bidang Ilmu yang disebut di muka surat 14 – 15.

Cadangan untuk Teras Disiplin: Pengenalan Psikologi, Kaedah Penyelidikan Asas, Statistik Asas, Ujian & Pengukuran Asas, Psikologi Bilazim, Psikologi Kognitif, Psikologi Perkembangan, Psikologi Personaliti, Psikologi Fisiologi, Psikologi Sosial, dll.

### IJAZAH SARJANA MUDA

<b>KREDIT MINIMUM BERGRADUAT – 120</b>		
KOMPONEN	PERATUSAN (%)	KREDIT
Modul Wajib/Pengajian Am	10 – 13	12 – 15
Teras Umum	18 – 30	21 – 36
Teras Disiplin*: Kerja Kursus	38 – 50	45 – 60
Teras Disiplin: Projek Penyelidikan	5 – 8	6 – 9
Teras Disiplin**: Latihan Industri	5 – 13	6 – 12
Elektif	0 – 23	0 – 27

\*Teras disiplin mesti mencakupi kesemua 8 Bidang Ilmu yang disebut di muka surat 14 – 15.

\*\*PPT boleh menawarkan kerja lapangan atau latihan industri sebagai sebahagian daripada kerja kursus.

Cadangan untuk Teras Disiplin: Pengenalan Psikologi, Kaedah Penyelidikan, Statistik, Ujian & Pengukuran, Psikologi Bilazim, Psikologi Kognitif, Psikologi Perkembangan, Psikologi Personaliti, Psikologi Fisiologi, Psikologi Sosial, dll.

Cadangan untuk Elektif Disiplin: Mana-mana bidang psikologi atau turutan daripada kursus teras.



## DIPLOMA PASCASISWAZAH

KREDIT MINIMUM BERGRADUAT – 30		
KOMPONEN	PERATUSAN (%)	KREDIT
Modul Wajib	0 – 10	0 – 3
Teras Umum	0 – 50	0 – 15
Teras Disiplin dan Elektif Disiplin	40 – 70	12 – 21
Praktikum, Latihan Industri*	0 – 30	0 – 9
Projek Penyelidikan	10 – 30	3 – 9

\*Nota: Semua program psikologi gunaan mesti mengandungi sekurang-kurangnya 3 kredit praktikum berselia.

Cadangan Teras Disiplin: Kaedah Penyelidikan Pertengahan, Statistik Pertengahan, Psikometrik Pertengahan, Isu-isu Profesional & Etika, dll.

Cadangan Elektif Disiplin: Sekurang-kurangnya 4 kursus di dalam bidang pengkhususan dalam psikologi.

Semua program peringkat pascasiswazah mesti mengandungi kompetensi **a hingga d** manakala kompetensi selebihnya dikira pilihan.

**Bidang gunaan/aplikasi seperti program-program psikologi klinikal, psikologi kaunseling, psikologi pendidikan, psikologi forensik, psikologi kesihatan, psikologi industri/organisasi, psikologi sekolah dan psikologi sukan** di peringkat sarjana mesti mengandungi kompetensi **a hingga f**, manakala program peringkat kedoktoran mesti mengandungi semua kompetensi di bawah:

- a. Pengetahuan tentang disiplin
- b. Isu-isu etika, perundangan dan profesional
- c. Pengukuran dan penilaian psikologi
- d. Kemahiran penyelidikan dan penilaian
- e. Kaedah dan strategi intervensi
- f. Komunikasi dan hubungan interpersonal
- g. Konsultasi, pengurusan dan penyeliaan

**IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS** (untuk semua program sarjana kecuali bidang gunaan)

<b>KREDIT MINIMUM BERGRADUAT – 40</b>		
KOMPONEN	PERATUSAN (%)	KREDIT
Kerja Kursus*	70 – 80	28 – 32
Projek Penyelidikan	20 – 30	8 – 12

\*Kerja kursus mesti mencakupi semua 4 kompetensi (a-d) yang disebut di atas.

**IJAZAH SARJANA SECARA MOD CAMPURAN** (untuk semua program sarjana kecuali bidang gunaan)

<b>KREDIT MINIMUM BERGRADUAT – 40</b>		
KOMPONEN	PERATUSAN (%)	KREDIT
Kerja Kursus*	30 – 50	12 – 20
Projek Penyelidikan	50 – 70	20 – 28

\*Kerja kursus mesti mencakupi semua 4 kompetensi (a-d) yang disebut di atas.

### **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS** (untuk semua bidang GUNAAN)

#### **KREDIT MINIMUM BERGRADUAT – 48**

KOMPONEN	PERATUSAN (%)	KREDIT
Kerja Kursus*	40 – 50	19 – 24
Praktikum/Internship**	25 – 30	12 – 14
Projek Penyelidikan	20 – 30	7 – 14

\* Kerja kursus mesti mengandungi semua 6 kompetensi (a-f) seperti yang disebut di muka surat 19.

\*\* Jam praktikum minimum ialah 1000. Sekurang-kurangnya 30 – 40% daripada jam praktikum mesti melibatkan perhubungan langsung bersemuka dengan klien. Jumlah jam penyeliaan mesti sekurang-kurangnya 50% daripada jam perkhidmatan secara langsung.

Cadangan Teras Disiplin: Kaedah Penyelidikan Pertengahan, Statistik Pertengahan, Psikometrik Pertengahan, Isu-isu Profesional & Etika, dan kursus-kursus yang relevan dengan bidang pengkhususan psikologi.

### **IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN**

TIADA KREDIT BERGRADUAT

### **IJAZAH KEDOKTORAN SECARA PENYELIDIKAN (PhD)**

TIADA KREDIT BERGRADUAT

**IJAZAH KEDOKTORAN SECARA MOD CAMPURAN** (untuk semua program kedoktoran kecuali bidang gunaan)

<b>KREDIT MINIMUM BERGRADUAT – 80</b>		
KOMPONEN	PERATUSAN (%)	KREDIT
Kerja Kursus*	30 – 50	24 – 40
Praktikum/Internship	0 – 20	0 – 16
Disertasi	50 – 70	40 – 56

\* Kerja kursus mesti mencakupi semua 4 kompetensi (a-d) yang disebut di muka surat 19.

**IJAZAH KEDOKTORAN SECARA KERJA KURSUS** untuk semua bidang GUNAAN)

<b>KREDIT MINIMUM BERGRADUAT – 80</b>		
KOMPONEN	PERATUSAN (%)	KREDIT
Kerja Kursus*	40 – 50	32 – 40
Praktikum/Internship	20 – 25	16 – 20
Projek Penyelidikan	20 – 40	16 – 32

\* Kerja kursus mesti mencakupi kesemua 7 kompetensi (a-g) yang disebut di mukasurat 19.

Cadangan Kerja Kursus: Kaedah Penyelidikan Lanjutan, Statistik Lanjutan, atau kaedah penyelidikan dalam subbidang yang spesifik.

### **Kaedah Pengajaran Dalam Pendidikan Psikologi**

Ahli akademik dalam bidang psikologi sepatutnya mengaplikasi prinsip dan pengetahuan psikologi dalam pengajaran-pembelajaran psikologi.

Secara tradisional, kuliah adalah efektif sebagai alat menyampaikan maklumat, tetapi kurang efektif dalam menggalakkan pemikiran kritikal, mengubah sikap dan membina kemahiran.

Untuk mencapai objektif (contohnya mempromosi pemikiran kritikal, mengubah sikap pelajar, dan menolong pelajar membina kemahiran spesifik), ia memerlukan kaedah pengajaran alternatif seperti:

- pembelajaran berasaskan masalah
- pengajaran/pembelajaran berbantuan teknologi
- kajian kes/perbincangan kes
- aktiviti berkumpulan (diskusi, debat, pembentangan, dll.)
- main peranan
- kerja lapangan atau latihan industri
- penyeliaan individu atau kumpulan
- kajian bebas
- pembelajaran hibrid atau pembelajaran campuran (gabungan pengajaran dalam kelas dan dalam talian)
- kelas berasaskan modular
- pembelajaran berasaskan projek
- bengkel
- seminar
- eksperimen makmal

## PENILAIAN PELAJAR

“Penilaian pelajar merupakan satu aspek yang cukup penting dalam jaminan kualiti disebabkan ia mampu mendorong pembelajaran. Ia merupakan salah satu langkah yang amat berguna untuk menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran. Hasil penilaian ini juga merupakan asas penganugerahan kelayakan. Justeru, kaedah penilaian pelajar perlulah jelas, konsisten, berkesan, dipercayai serta selari dengan amalan-amalan terkini dan mesti secara jelas membantu pencapaian hasil pembelajaran” (COPPA, 2010, ms.22). PPT perlu menunjukkan bagaimana kaedah penilaian dihubungkan kepada pencapaian hasil pembelajaran program/kursus.

Kaedah penilaian yang spesifik akan bergantung kepada keperluan khusus bagi setiap modul. Walau bagaimanapun, sebagai panduan umum, perkara berikut perlu dipertimbangkan:

- penilaian sumatif dan formatif hendaklah digunakan;
- pengetahuan dan pemahaman (domain kognitif) perlu diuji melalui penulisan, secara lisan atau cara lain yang sesuai tetapi kemahiran amali hendaklah diuji oleh penilaian amali seperti ujian makmal;
- dalam modul yang memerlukan kemahiran amali, lulus dalam penilaian praktikal adalah wajib (lulus menunjukkan pemeriksa berpuas hati bahawa calon telah memenuhi hasil pembelajaran subjek tertentu);
- jenis-jenis penilaian yang dinyatakan adalah sebagai contoh sahaja. PPT digalakkan menggunakan pelbagai kaedah dan alat, bersesuaian dengan hasil pembelajaran dan kecekapan; dan
- berhubung dengan penilaian berterusan dan penilaian akhir, calon perlu lulus dalam kedua-duanya (lulus menunjukkan pemeriksa berpuas hati bahawa calon telah memenuhi hasil pembelajaran subjek tertentu).

Secara umumnya, pelajar akan dinilai, di mana sesuai, melalui:

- Peperiksaan
  - *Close/Open book*, *Viva voce*, *Pertengahan Semester*, *Akhir Semester*, *Take-home Exam*;
- Kerja Kursus
  - *Tugasan*, *Kuiz*, *Laporan Makmal*;

- Projek
  - Individu/Kumpulan, Jangka Panjang/Jangka Pendek dan
- Lain-lain
  - Penglibatan dalam Kelas, Aktiviti Kumpulan.

Jenis-jenis penilaian berikut adalah sebagai contoh sahaja. PPT digalakkan untuk menggunakan pelbagai kaedah dan alat yang sesuai untuk mengukur hasil pembelajaran dan kecekapan.

Kelayakan	Penilaian Berterusan (%)	Peperiksaan Akhir (%)	Tahap Penilaian	Bentuk Penilaian yang dicadangkan
Diploma	30 – 70	30 – 70	Pengetahuan, pemahaman dan aplikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tugas individu/kumpulan</li> <li>- Kuiz</li> <li>- Ujian bertulis/ujian lisan (contoh. Pembentangan)</li> <li>- Pemeriksaan pertengahan semester</li> <li>- Peperiksaan akhir (bertulis/lisan)</li> </ul>

Kelayakan	Penilaian Berterusan (%)	Peperiksaan Akhir (%)	Tahap Penilaian	Bentuk Penilaian yang dicadangkan
Ijazah Sarjana Muda	40 – 60	40 – 60	Pengetahuan, pemahaman, aplikasi dan analisis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tugas individu/kumpulan</li> <li>- Penilaian praktikal</li> <li>- Ujian lisan</li> <li>- Projek</li> <li>- Pembentangan</li> <li>- Ujian bertulis/lisan (contoh: pembentangan)</li> <li>- Peperiksaan akhir (bertulis/lisan)</li> <li>- Latihan industri</li> <li>- Projek prasiswazah</li> <li>- Kuiz</li> </ul>
Diploma Pascasiswazah	40 – 60	40 – 60	Pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan sintesis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tugas individu/kumpulan</li> <li>- Penilaian praktikal</li> <li>- Praktikum/internship (untuk psikologi gunaan)</li> <li>- Ujian lisan</li> <li>- Projek</li> <li>- Pembentangan</li> <li>- Ujian bertulis/lisan (contoh: pembentangan)</li> <li>- Peperiksaan akhir (bertulis/lisan)</li> </ul>



Kelayakan	Penilaian Berterusan (%)	Peperiksaan Akhir (%)	Tahap Penilaian	Bentuk Penilaian yang dicadangkan
Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus	40 – 60	40 – 60	Pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan sintesis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tugas individu/ kumpulan</li> <li>- Viva voce (satu seminar)</li> <li>- Pembentangan</li> <li>- Hasil seminar (satu prosiding)</li> <li>- Penilaian praktikal</li> <li>- Praktikum berselia (untuk psikologi gunaan)</li> <li>- Peperiksaan akhir (bertulis/lisan)</li> <li>- Peperiksaan komprehensif</li> <li>- Penilaian kompetensi</li> <li>- Projek penyelidikan</li> </ul>
Ijazah Sarjana secara Penyelidikan	-	100	Pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan sintesis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Viva voce</li> <li>- Pembentangan</li> <li>- Hasil seminar (dua prosiding)</li> <li>- Tugas individu/ kumpulan</li> <li>- Disertasi (2 pemeriksa, seorang adalah pemeriksa luar)</li> </ul>

Kelayakan	Penilaian Berterusan (%)	Peperiksaan Akhir (%)	Tahap Penilaian	Bentuk Penilaian yang dicadangkan
Ijazah Sarjana secara Campuran	40 – 60	40 – 60	Pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis dan sintesis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tugas individu/kumpulan</li> <li>- Viva-voce (satu seminar)</li> <li>- Pembentangan</li> <li>- Hasil seminar (satu prosiding)</li> <li>- Penilaian praktikal</li> <li>- Praktikum berselia (untuk psikologi gunaan)</li> <li>- Peperiksaan akhir (bertulis/lisan)</li> <li>- Peperiksaan komprehensif</li> <li>- Penilaian kompetensi</li> <li>- Disertasi (dua pemeriksa)</li> </ul>
Ijazah Kedoktoran secara Penyelidikan	-	100	Pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tesis (3 pemeriksa, 2 adalah pemeriksa luar)</li> <li>- Viva voce</li> <li>- Pembentangan</li> <li>- Hasil seminar (dua tulisan artikel jurnal berwasit)</li> </ul>

Kelayakan	Penilaian Berterusan (%)	Peperiksaan Akhir (%)	Tahap Penilaian	Bentuk Penilaian yang dicadangkan
Ijazah Kedoktoran melalui Kerja kursus dan Penyelidikan	40 – 60	40 – 60	Pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tugas Individu/kumpulan</li> <li>- Viva voce (satu seminar)</li> <li>- Pembentangan</li> <li>- Hasil Seminar (satu prosiding)</li> <li>- Penilaian Praktikal</li> <li>- Praktikum berselia (untuk psikologi gunaan)</li> <li>- Peperiksaan Akhir (Bertulis/Lisan)</li> <li>- Peperiksaan Komprehensif</li> <li>- Penilaian Kompetensi Pengamal</li> <li>- Tesis (2 pemeriksa, seorang adalah pemeriksa luar)</li> </ul>

### Nota

- **Moderasi Penilaian:** PPT perlu membentuk sebuah jawatankuasa moderasi untuk menyemak semua penilaian (berterusan atau akhir) yang mempunyai pemberat sekurang-kurangnya 30% .
- Untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi penilaian, sila rujuk pada Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pembelajaran Pelajar.
- *The Bloom's Taxonomy of Learning Domains* dilampirkan dalam Lampiran 1.

- Terdapat kursus yang mungkin tidak mempunyai peperiksaan akhir seperti kursus berasaskan kemahiran (contohnya statistik makmal, temu duga klinikal, latihan industri, praktikum/internship, projek penyelidikan, disertasi, tesis dan lain-lain). Dalam keadaan ini, penilaian berterusan 100% akan digunakan.

## PEMILIHAN PELAJAR

Bahagian Standard Program ini adalah berkaitan dengan pengambilan pelajar ke dalam sesuatu program pengajian. “Secara umum, polisi kemasukan ke sesuatu program perlu mematuhi polisi-polisi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sedia ada. Terdapat perbezaan pandangan tentang kaedah terbaik pemilihan pelajar. Namun, apajua kaedah yang digunakan, pihak PPT mestilah berupaya untuk mempertahankan ketekalannya. Bilangan pelajar yang bakal diterima masuk ke sesuatu program ditentukan oleh kapasiti PPT berkenaan dan bilangan pemohon yang berkelayakan. Dasar kemasukan dan pengekalan pelajar sesebuah PPT itu tidak harus dikompromi semata-mata kerana hasrat PPT untuk mengekalkan bilangan pengambilan pelajar yang tertentu. Sekiranya PPT itu mengendalikan beberapa kampus yang berbeza lokasinya, atau sekiranya sesuatu program itu merupakan program yang dikendalikan secara kerjasama pemilihan dan penempatan semua pelajar mestilah konsisten dengan dasar kebangsaan” (COPPA, 2010, ms.24).

Standard ini direka bentuk dengan mengambil kira polisi pendidikan tinggi kebangsaan umum bersabit dengan syarat keperluan minimum kemasukan pelajar. PPT mesti mengambil kira sebarang polisi yang mungkin diguna pakai di institusi masing-masing.

Syarat minimum standard bagi pengambilan pelajar ke dalam Program Psikologi disediakan di bawah:

## DIPLOMA

- i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setara dengannya serta sekurang-kurangnya 3 kredit dalam mana-mana mata pelajaran dan lulus dalam Matematik dan Sains;

### ATAU

- ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau yang setara dengannya serta sekurang-kurangnya 1 lulus penuh dengan NGMP 2.00 dan lulus dalam Matematik dan Sains di peringkat SPM;

### ATAU

- iii. Lain-lain kelayakan yang setara atau relevan, pengalaman dan syarat yang diterima oleh Senat PPT/autoriti berkompoten di Malaysia.

**IJAZAH SARJANA MUDA**

- i. Matrikulasi atau Asasi atau yang setara serta minimum PNGK 2.00 daripada 4.00;  
**ATAU**
- ii. *Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)* atau yang setara serta minimum 2 lulus penuh dengan NGMP 2.00;  
**ATAU**
- iii. Sijil Diploma atau yang setara serta minimum PNGK 2.00 daripada 4.00;  
(Nota: Semua kelayakan di atas perlu disokong dengan sekurang-kurangnya kredit dalam Matematik dan Sains dan lulus Bahasa Inggeris di peringkat SPM.)  
**ATAU**
- iv. Diploma Psikologi dengan minimum PNGK 2.00 daripada 4.00;  
**ATAU**
- v. Lain-lain kelayakan yang setara atau relevan, pengalaman dan syarat yang diterima oleh Senat PPT/autoriti berkompeten di Malaysia.

**DIPLOMA PASCASISWAZAH**

- i. Ijazah Sarjana Muda Psikologi atau yang setara dengan minimum PNGK 2.50 daripada 4.00;  
**ATAU**
- ii. Lain-lain Ijazah Sarjana Muda dengan minimum PNGK 2.50 daripada 4.00, **DAN** prasyarat minimum 45 kredit modul Psikologi atau yang setara dengannya (mencakupi kesemua 8 bidang pengetahuan yang dinyatakan dalam muka surat 14 – 15) dengan minimum PNGK 2.50 daripada 4.00 dalam modul prasyarat;  
**ATAU**
- iii. Lain-lain Ijazah Sarjana Muda dengan minimum PNGK 2.50 daripada 4.00, **DAN** prasyarat minimum 30 kredit modul Psikologi atau yang setara dengannya (mencakupi kesemua 8 bidang pengetahuan yang dinyatakan dalam muka surat 14 – 15) dengan minimum PNGK 2.50 daripada 4.00 dalam modul prasyarat, **DAN** peperiksaan *Graduate Record Examination (GRE)* Ujian Mata pelajaran (Psikologi) dengan skor minimum 550;

**ATAU**

- iv. Ijazah Sarjana Muda Psikologi yang tidak mencapai PNGK 2.50 boleh diterima bergantung kepada pengalaman kerja yang relevan dan penilaian dalaman yang terperinci oleh sebuah panel penilai bebas;

**ATAU**

- v. Lain-lain kelayakan yang setara atau relevan, pengalaman dan syarat yang diterima oleh Senat PPT/autoriti berkompeten di Malaysia.

**IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS/CAMPURAN**

- i. Ijazah Sarjana Muda Psikologi atau yang setara dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00;

*Nota: Ijazah Sarjana Muda Psikologi yang diiktiraf tetapi tidak mencapai PNGK 2.75 (tetapi tidak kurang daripada 2.50) boleh diterima bergantung kepada penilaian dalaman yang terperinci oleh sebuah panel penilai bebas.*

**ATAU**

- ii. Lain-lain Ijazah Sarjana Muda dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00, **DAN** prasyarat minimum 45 kredit modul Psikologi atau yang setara dengannya (mencakupi kesemua lapan bidang pengetahuan yang dinyatakan dalam muka surat 14 – 15) dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00 dalam modul prasyarat;

**ATAU**

- iii. Lain-lain Ijazah Sarjana Muda dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00, **DAN** prasyarat minimum 30 kredit modul Psikologi atau yang setara dengannya (mencakupi kesemua lapan bidang pengetahuan yang dinyatakan dalam muka surat 14 – 15), dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00 dalam modul prasyarat. **DAN** peperiksaan *Graduate Record Examination* (GRE) Ujian Mata pelajaran (Psikologi) dengan skor minimum 550;

**ATAU**

- iv. Lain-lain kelayakan yang setara atau relevan, pengalaman dan syarat yang diterima oleh Senat PPT/autoriti berkompeten di Malaysia.

## IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN

- i. Ijazah Sarjana Muda Psikologi atau yang setara dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00;

### **ATAU**

- ii. Lain-lain Ijazah Sarjana Muda dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00, **DAN** dengan prasyarat minimum 45 kredit modul Psikologi atau yang setara dengannya (mencakupi kesemua lapan bidang pengetahuan yang dinyatakan dalam muka surat 14 – 15) dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00 dalam modul prasyarat;

### **ATAU**

- iii. Lain-lain Ijazah Sarjana Muda dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00, **DAN** dengan prasyarat minimum 30 kredit modul Psikologi atau yang setara dengannya (mencakupi kesemua lapan bidang pengetahuan yang dinyatakan dalam muka surat 14 – 15), dengan minimum PNGK 2.75 daripada 4.00 dalam modul prasyarat. **DAN** peperiksaan *Graduate Record Examination* (GRE) Mata pelajaran (Psikologi) dengan skor minimum 550;

### **ATAU**

- iv. Lain-lain kelayakan yang setara atau relevan, pengalaman dan syarat yang diterima oleh Senat PPT/autoriti berkompeten di Malaysia.

## IJAZAH KEDOKTORAN

- i. Ijazah Sarjana Psikologi;
- ### **ATAU**
- ii. Lain-lain kelayakan yang setara atau relevan, pengalaman dan syarat yang diterima oleh Senat PPT/autoriti berkompeten di Malaysia.

### **Nota:**

1. Tiada kemasukan terus daripada ijazah sarjana muda ke ijazah kedoktoran.
2. Calon-calon yang mendaftar bagi program Ijazah Sarjana dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.67 boleh memohon untuk menukarkan taraf pengajian ke program Ijazah Kedoktoran bergantung kepada:
  - kecekapan dan keupayaan dalam menjalankan penyelidikan di tahap Ijazah Kedoktoran
  - kelulusan Senat PPT.



## **STAF AKADEMIK**

“Kualiti staf akademik adalah salah satu komponen yang amat penting dalam memastikan kualiti pendidikan tinggi. Oleh itu, segala usaha perlulah diambil bagi memastikan dasar berhubung pengambilan staf yang tepat dan berkesan, perkhidmatan, pembangunan dan penilaian tenaga akademik yang kondusif terhadap produktiviti staf.” (COPPA, 2010, ms.29)

Bahagian ini mengandungi pernyataan penanda aras berkaitan dengan pengambilan staf akademik.

## **DIPLOMA PSIKOLOGI**

### Kelayakan staf akademik

1. Ijazah sarjana muda dalam psikologi.
2. Mereka yang bukan pemegang ijazah sarjana muda psikologi hanya boleh mengajar dalam bidang pengajian mereka sahaja. Jumlah staf ini tidak boleh melebihi 40% daripada keseluruhan bilangan staf.

### Nisbah staf akademik

- Sekurang-kurangnya 60% staf mesti berstatus sepenuh masa.

### Nisbah staf-pelajar

- Keseluruhan nisbah staf-pelajar – 1:30

## **IJAZAH SARJANA MUDA**

### Kelayakan staf akademik

1. Ijazah sarjana/kedoktoran dalam psikologi.
2. Pemegang ijazah sarjana/kedoktoran dalam psikologi tetapi tidak memiliki ijazah sarjana muda psikologi hanya boleh mengajar dalam bidang pengkhususan mereka sahaja.
3. Pemegang ijazah sarjana/kedoktoran dalam bidang lain daripada psikologi boleh dilantik untuk mengajar dalam bidang kepakaran mereka (contoh. statistik, psikofarmakologi, pengurusan, dan lain-lain).

4. Gabungan jumlah staf di dalam item 2 dan 3 di atas tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan staf.

#### Nisbah staf akademik

- Sekurang-kurangnya 60% staf mesti berstatus sepenuh masa.

#### Nisbah staf-pelajar

- Keseluruhan nisbah staf-pelajar – 1:25

### **DIPLOMA PASCASISWAZAH DAN IJAZAH SARJANA KERJA KURSUS/ CAMPURAN**

#### Kelayakan staf akademik

1. Ijazah Kedoktoran dalam bidang pengkhususan dan relevan dalam Psikologi;  
**ATAU**
2. Ijazah Sarjana dalam bidang pengkhususan dan relevan dalam Psikologi dengan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau sebagai penyelia bersama.
3. Pemegang Ijazah Sarjana/Kedoktoran dalam bidang lain daripada Psikologi boleh dilantik untuk mengajar didalam bidang kepakaran mereka (contoh. Statistik, Psikofarmakologi, Pengurusan, dan lain-lain). Jumlah staf ini tidak boleh melebihi 40% daripada keseluruhan bilangan staf.
4. Penyelia utama projek mesti seorang pensyarah PPT sepenuh masa.

#### Nisbah staf akademik

- Sekurang-kurangnya 60% staf mesti berstatus sepenuh masa.

#### Nisbah staf-pelajar

- Keseluruhan nisbah staf-pelajar – 1:12

## IJAZAH SARJANA PENYELIDIKAN

### Kelayakan staf akademik

1. **Ijazah Kedoktoran** dalam bidang pengkhususan yang relevan dalam Psikologi;  
**ATAU**
2. **Ijazah Sarjana** dalam bidang pengkhususan yang relevan dalam Psikologi dengan 5 tahun pengalaman mengajar dan menjalankan penyelidikan atau sebagai penyelia bersama. Walau bagaimanapun staf akademik yang memegang **Ijazah Sarjana** dengan pengalaman penyelidikan kurang 5 tahun boleh dilantik sebagai penyelia bersama.
3. Penyelia utama projek mesti seorang pensyarah PPT sepenuh masa.

## IJAZAH KEDOKTORAN

### Kelayakan staf akademik

1. **Ijazah Kedoktoran** dalam bidang kepakaran dan relevan dalam Psikologi dengan 2 tahun pengalaman mengajar dan menjalankan penyelidikan; atau sebagai penyelia bersama. Pemegang Ijazah Kedoktoran tanpa pengalaman penyeliaan penyelidikan siswazah perlu disokong dan dimentor oleh rakan akademik yang berpengalaman.
2. Penyelia utama projek mesti seorang pensyarah PPT sepenuh masa.

### Nisbah staf akademik

- Sekurang-kurangnya 60% staf mesti berstatus sepenuh masa.

### Nisbah staf-pelajar

- Keseluruhan nisbah staf-pelajar – 1:12

## PEMBANGUNAN STAF

- Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bagi staf sepenuh masa berdasarkan keperluan pengkhususan dengan sekurang-kurangnya 7 hari latihan yang relevan setiap tahun.

## SUMBER PENDIDIKAN

“Sumber pendidikan yang secukupnya adalah perlu untuk menyokong segala kegiatan pengajaran-pembelajaran sesuatu program. Sumber ini termasuk kewangan, kepakaran, infrastruktur fizikal, teknologi maklumat dan komunikasi, dan kemudahan penyelidikan. Kemudahan fizikal sesuatu program biasanya ditentukan oleh keperluan sesuatu bidang pengajian” (COPPA, 2010, ms.32).

Bagi program psikologi, pihak PPT perlu menyediakan sumber yang mencukupi untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:

- i. Ruang pengajaran dan pembelajaran yang sesuai (dengan kemudahan audiovisual yang mencukupi dan teknologi yang bersesuaian) dalam jumlah dan saiz yang mencukupi bagi membolehkan penjadualan munasabah untuk semua kelas, serta menyediakan peluang kepada pelajar menggunakan kemudahan dan teknologi tersebut.

Contohnya:

- dewan kuliah
- bilik tutorial

- ii. Ruang mencukupi yang sesuai untuk pembelajaran individu atau kumpulan dan bentuk-bentuk tugas kolaboratif yang lain.

Contohnya:

- perpustakaan
- bilik perbincangan
- ruang legar pascasiswazah

- iii. Makmal khusus berdasarkan keperluan program.

Contohnya:

- bilik kaunseling ( individu, kumpulan)
- makmal eksperimen
- bilik pemerhatian

Nota: CCTV dan/atau cermin satu hala diperlukan bagi tujuan pemerhatian dan penyeliaan.

iv. PPT dikehendaki menyediakan sumber yang mencukupi untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran.

Contohnya:

- perpustakaan ujian psikologi
- makmal komputer (dengan perisian statistik yang berkaitan)
- buku dan jurnal yang relevan (salinan keras dan/atau dalam talian)
- akses internet

PPT dikehendaki menyediakan bilangan kakitangan sokongan teknikal berkelayakan yang mencukupi sekurang-kurangnya dengan diploma psikologi untuk membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran program (seperti pegawai makmal psikologi dan pembantu makmal).

## PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM

“Penambahbaikan kualiti menuntut agar program kerap dipantau, disemak dan dinilai. Ia mencakupi pemantauan, penyemakan dan penilaian struktur institusi serta proses pelaksanaan (struktur pentadbiran, kepimpinan dan governan, mekanisme perancangan dan semakan), komponen kurikulum (sukatan pelajaran, kaedah pengajaran, hasil pembelajaran), termasuk kemajuan, prestasi dan kebolehpasaran pelajar.

Maklum balas daripada pelbagai sumber, seperti pelajar, alumni, staf akademik, majikan, pertubuhan profesional dan ibu bapa, akan membantu dalam meningkatkan kualiti program. Maklum balas juga boleh diperolehi melalui analisis prestasi pelajar dan daripada kajian datar.

Pengukuran prestasi pelajar boleh diukur melalui purata tempoh pengajian, markah penilaian, kadar kelulusan dalam peperiksaan, kadar kejayaan dan keciciran, laporan pelajar dan alumni berhubung pengalaman pembelajaran mereka, di samping tumpuan waktu yang digunakan pelajar dalam bidang minat tertentu mereka. Penilaian terhadap prestasi pelajar dalam peperiksaan dapat menghasilkan maklumat yang berguna. Jika pemilihan pelajar telah dilakukan dengan sempurna, kadar kegagalan yang tinggi dalam sesuatu program menggambarkan wujudnya kesilapan sama ada dalam kandungan kurikulum berkenaan, dalam aktiviti pengajaran-pembelajaran atau dalam sistem penilaian. Jawatankuasa program perlulah memantau kadar prestasi setiap program dan menyiasat sekiranya didapati kadar tersebut terlalu tinggi atau terlalu rendah.

Maklum balas pelajar, yang diperolehi melalui soal selidik dan perwakilan dalam jawatankuasa program, adalah berguna untuk mengenal pasti masalah-masalah tertentu dan untuk menambahbaik program secara berterusan.

Satu kaedah menilai keberkesanan program ialah kajian datar graduan berkenaan. Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) perlu mempunyai mekanisme untuk memantau prestasi graduan dan untuk memperoleh persepsi masyarakat dan majikan terhadap kekuatan dan kelemahan graduan, dan untuk bertindak balas sewajarnya” (COPPA, 2010, ms.36).

## **KEPIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN**

“Terdapat pelbagai cara mentadbir sesebuah institusi pendidikan dan kaedah pengurusannya berbeza antara PPT. Walaupun begitu, governan yang mencerminkan kepimpinan sesebuah organisasi pendidikan mestilah menumpukan penekanan ke atas aspek kecemerlangan dan kesarjanaan. Di peringkat jabatan, adalah amat penting bagi kepimpinan menyediakan garis panduan dan hala tuju yang jelas di samping membina perhubungan antara pelbagai kumpulan berdasarkan semangat keserakanan dan ketelusan, mengurus kewangan dan sumber-sumber lain dengan penuh tanggungjawab dan mengadakan perkongsian bersama pihak berkepentingan utama dalam bidang penyampaian, penyelidikan serta perundingan pendidikan. Kepimpinan jabatan hendaklah sentiasa mencurahkan dedikasi dalam segala usaha akademik dan kesarjanaan. Walaupun ikatan yang formal dapat menjamin dan mempertahankan hubungan-hubungan sebegini, ia paling berkesan dibangunkan melalui satu budaya hubungan timbal balik permuafakatan dan komunikasi terbuka” (COPPA, 2010, ms. 38).

Spesifik kepada tahap kelayakan yang ditawarkan di sesebuah PPT, kepimpinan program (seperti Koordinator, Ketua atau Dekan Program) mesti menepati kelayakan dan pengalaman berikut:

### **DIPLOMA**

Ijazah sarjana muda dalam bidang psikologi atau bidang yang berkaitan.

### **IJAZAH SARJANA MUDA**

Ijazah sarjana dalam bidang psikologi atau bidang yang berkaitan, dengan ijazah sarjana muda dalam bidang psikologi.

### **IJAZAH SARJANA**

Ijazah kedoktoran, dengan sekurang-kurangnya satu ijazah di peringkat pascasiswazah dalam bidang psikologi atau bidang yang berkaitan;

### **ATAU**

Ijazah sarjana dalam bidang psikologi dengan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman kerja yang berkaitan.

### **IJAZAH KEDOKTORAN**

Ijazah kedoktoran, dengan sekurang-kurangnya satu ijazah di peringkat pascasiswazah dalam bidang psikologi atau bidang yang berkaitan, dan dengan sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja di peringkat pascakedoktoran.



## **PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN**

“Tuntutan masyarakat terhadap akauntibiliti PPT terus meningkat. Keperluan terus berubah disebabkan kemajuan dalam sains dan teknologi dan ledakan pertumbuhan pengetahuan global yang semakin pantas serta luas tersebar. Dalam menghadapi cabaran ini, PPT tidak mempunyai pilihan selain menjadi organisasi pendidikan dinamik yang perlu secara sistematik dan berterusan, memantau dan mengkaji pelbagai isu demi merealisasikan segala tuntutan persekitaran yang sentiasa berubah ini” (COPPA, 2010, ms. 41).

PPT perlu menyediakan bukti keupayaan mereka bergerak maju seiring dengan perubahan dalam bidang, dan juga memenuhi kehendak pihak berkepentingan. Hal ini boleh ditunjukkan melalui, tetapi tidak terhad, kepada perkara berikut:

- i. kajian semula modul/unit/kursus/subjek secara tahunan;
- ii. penyemakan kurikulum program, yang dijalankan setiap 3 -5 tahun;
- iii. pelantikan penilai luar/penasihat industri untuk proses penilaian kualiti;
- iv. semakan berterusan dilakukan terhadap amalan dan rekod sangkutan industri;
- v. sesi dialog dengan pihak berkepentingan;
- vi. penyertaan aktif staf akademik dalam persidangan, seminar, bengkel dan kursus jangka pendek yang relevan;
- vii. pembentangan oleh penceramah jemputan tempatan atau antarabangsa;
- viii. penganjuran persidangan, seminar dan bengkel; dan
- ix. penglibatan pelajar semasa, alumni, staf, ahli akademik luar, pakar industri dan majikan dalam proses kajian semula kualiti.

## RUJUKAN DAN BAHAN BACAAN YANG DICADANGKAN

American Psychological Association. (2007). *APA guidelines for the undergraduate psychology major*. Washington, DC: Author. Retrieved from [www.apa.org/ed/resources.html](http://www.apa.org/ed/resources.html).

American Psychological Association (2009). *The assessment cyberguide for learning goals and outcomes (2<sup>nd</sup> Ed.)*. Washington DC: Author. Retrieved from <http://www.apa.org/ed/governance/bea/assessment-cyberguide-v2.pdf>.

American Psychological Association (2011). *National Standards for High School Psychology Curricula*. Washington DC: Author. Retrieved from <http://www.apa.org/education/k12/psychology-curricula.pdf>.

American Psychological Association (2011). *Principles for Quality Undergraduate Education in Psychology*. Washington DC: Author. Retrieved from <http://www.apa.org/education/undergrad/principles.aspx>.

Association of State and Provincial Psychology Boards (2009). *Guidelines on practicum experience for licensure*. Retrieved from [http://www.asppb.net/files/public/Final\\_Prac\\_Guidelines\\_1\\_31\\_09.pdf](http://www.asppb.net/files/public/Final_Prac_Guidelines_1_31_09.pdf).

Australian Psychological Society (2010). *College Course Approval Guidelines for Postgraduate Specialist Courses*. Australia: Author. Retrieved from <http://www.psychology.org.au/Assets/Files/APS-College-Course-Approval-Guidelines-Dec-2010.pdf>.

Australian Psychology Accreditation Council (2010). *Rules for accreditation and accreditation standards for psychology courses (Version 10)*. Australia: Author. Retrieved from [http://www.psychologycouncil.org.au/Assets/Files/APAC\\_Rules\\_for%20Accreditation\\_and\\_Accreditation\\_Standards\\_for%20Psychology\\_Courses\\_Ver\\_10\\_June\\_2010.pdf](http://www.psychologycouncil.org.au/Assets/Files/APAC_Rules_for%20Accreditation_and_Accreditation_Standards_for%20Psychology_Courses_Ver_10_June_2010.pdf).

Bent, R.J. (2010). The professional core competency areas (Chapter 10). In R. L. Peterson, J. D. McHolland, R. J. Bent, E. Davis-Russell, G. E. Edwall, K. Polite, D. L.

Singer, & G.Stricker (Eds.). *The Core Curriculum in Professional Psychology*. USA: National Council of Schools & Programs of Professional Psychology. Retrieved from [http://www.ncspp.info/bent,russell%2010\\_20040130135546.pdf](http://www.ncspp.info/bent,russell%2010_20040130135546.pdf).

British Psychological Society. *Useful accreditation documents*. Retrieved from <http://www.bps.org.uk/careers-education-training/accredited-courses-training-programmes/useful-accreditation-documents/use>.

Karandashev, V. (2012). *Teaching psychology: Views from around the world*. Retrieved from [http://www.slideserve.com/daniel\\_millan/teaching-psychology-views-from-around-the-world](http://www.slideserve.com/daniel_millan/teaching-psychology-views-from-around-the-world).

McCarthy, S., Dickson, K.L., Cranney, J., Trapp, A. & Karandashev, V. (Eds.) (2012). *Teaching Psychology around the World: Volume 3*. UK: Cambridge Scholars Publishing.

McCarthy, S., Karandashev, V., Stevens, M., Thatcher, A., Jaafar, J., Moore, K., Trapp, A., & Brewer, C. (Eds.) (2009). *Teaching Psychology around the World: Volume 2*. UK: Cambridge Scholars Publishing.

McCarthy, S., Newstead, S., Karandashev, V., Prandini, C., Hutz, C, & Gomes, W. (Eds.) (2007). *Teaching Psychology around the World*. UK: Cambridge Scholars Publishing.

*Peterson, R. L., McHolland, J. D., Bent, R. J., Davis-Russell, E., Edwall, G. E., Polite, K.,*

*Singer, D. L., & Stricker, G. (Eds.). The Core Curriculum in Professional Psychology*. USA: National Council of Schools & Programs of Professional Psychology. Retrieved from <http://www.ncspp.info/core.htm>.

Singapore Psychological Society (2010-2012). *Singapore Register of Psychologists*. Retrieved from <http://www.singaporepsychologicalsociety.com/sps-membership/singapore-register-of-psychologist/>.

**SENARAI AHLI PANEL**

Agensi Kelayakan Malaysia mengucapkan terima kasih kepada kumpulan panel pakar yang terlibat atas sokongan dan bantuan mereka terhadap pembangunan Standard Program ini.

NO	PANEL	ORGANISASI
1.	Rahmattullah Khan Abdul Wahab Khan (Profesor Dr.)  <i>-Pengerusi -</i>	Universiti Pendidikan Sultan Idris
2.	Alizi bin Alias (Penolong Profesor Dr.)	International Islamic University Malaysia
3.	Fatimah Omar (Profesor Madya Dr.)	Universiti Kebangsaan Malaysia
4.	Hairul Nizam Ismail (Profesor Madya Dr.)	Universiti Sains Malaysia
5.	Ng Wai Sheng (Dr.)	Hospital Columbia Asia, Seremban
6.	Shamsul Haque (Profesor Madya Dr.)	Monash University, Kampus Sunway

**TAKSONOMI BLOOM**

Contoh dan Kata Kunci Domain Pembelajaran Mengikut Taksonomi Bloom adalah seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Contoh dan Kata Kunci (Kata Kerja)</i>
<p><b>Pengetahuan:</b> Mengingat semula data dan maklumat.</p>	<p><b>Contoh:</b> Menyebut satu polisi. Memberitahu harga barang kepada pelanggan berdasarkan ingatan. Mengetahui peraturan keselamatan.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> nyatakan, terangkan, kenal pasti, labelkan, senaraikan, padankan, namakan, gariskan, sebutkan, nyatakan semula, pilihkan, catatkan</p>
<p><b>Kefahaman:</b> Memahami maksud, terjemahan, interpolasi, dan interpretasi arahan dan masalah. Menyatakan suatu permasalahan dalam perkataannya sendiri.</p>	<p><b>Contoh:</b> Tulis semula prinsip ujian bertulis. Jelaskan dengan perkataan sendiri langkah-langkah untuk menyempurnakan suatu tugas yang kompleks.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> Fahamkan, tukarkan, pertahankan, bezakan, anggarkan, terangkan, huraikan, generalisasikan, berikan contoh, tafsirkan, parafrasa, ramalkan, tuliskan semula, simpulkan, terjemahkan</p>
<p><b>Aplikasi:</b> Menggunakan suatu konsep dalam satu situasi baru. Mengaplikasi perkara yang telah dipelajari dalam kelas kepada suatu situasi baru di tempat kerja.</p>	<p><b>Contoh:</b> Menggunakan suatu manual untuk mengira tempoh cuti seorang pekerja. Mengaplikasi hukum-hukum statistik untuk menilai kebolehpercayaan satu ujian bertulis.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> Aplikasikan, ubahkan, kirakan, binakan, tunjukkan, teroka, manipulasikan, ubahkan, jalankan, ramalkan, sediakan, hasilkan, kaitkan, pameran, selesaikan, gunakan</p>

<b>Kategori</b>	<b>Contoh dan Kata Kunci (Kata Kerja)</b>
<p><b>Analisis:</b> Mengasingkan bahan atau konsep kepada komponen tertentu supaya organisasi strukturnya boleh difahami. Membezakan antara fakta dan andaian.</p>	<p><b>Contoh:</b> menyelesaikan masalah satu alatan dengan menggunakan logik deduktif. Mengenal pasti falasi logik dalam proses penaakulan. Mengumpul maklumat daripada satu jabatan dan memilih tugas yang diperlukan untuk tujuan latihan.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> analisiskan, cerakinkan, bandingkan, bezakan, lukiskan gambar rajah, binakan semula, asingkan, kenal pasti, tunjukkan, andaikan, rangkakan, hubungkan, pilihkan, pisahkan.</p>
<p><b>Sintesis:</b> Membina suatu struktur atau corak daripada pelbagai elemen. Mencantumkan semula beberapa bahagian membentuk satu bentuk yang lengkap, dengan penekanan kepada mencipta suatu makna atau struktur yang baru.</p>	<p><b>Contoh:</b> Menulis operasi atau manual proses suatu syarikat. Mereka cipta satu mesin untuk membuat sesuatu tugas. Mengintegrasikan satu latihan daripada beberapa sumber untuk menyelesaikan suatu masalah. Menyemak suatu proses untuk memperbaiki hasilnya.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> kategorikan, gabungkan, kumpulkan, gubahan, ciptakan, rekakan, terangkan, janakan, ubah suai, susun, rancang, atur semula, bina semula, kaitkan, susun semula, semak semula, tulis semula, simpulkan, beritahu, tuliskan.</p>
<p><b>Penilaian:</b> Membuat keputusan mengenai nilai sesuatu idea atau bahan.</p>	<p><b>Contoh:</b> Memilih satu penyelesaian yang paling efektif. Mengambil bekerja seorang pemohon yang paling layak. Menerangkan dan memberi justifikasi sesuatu bajet.</p> <p><b>Kata Kunci:</b> nilaikan, bandingkan, simpulkan, bezakan, kritik, pertahankan, huraikan, nilaikan, terangkan, tafsirkan, justifikasi, hubungkan, rumuskan, sokong</p>

Sumber: <http://www.nwlink.com/~donclark/hrd/bloom.html>